

Headline **Selebriti bercakap mengenai AIDS**
 Date **07. Jun 2009**
 Media Title **Sinar Harian**
 Section **Selangor & KL**
 Circulation **60000**
 Readership **0**

Language **MALAY**
 Page No **S32**
 Article Size **104 cm2**
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**
 AdValue



Mungkin berbeza tumpuan penonton apabila seorang artis muncul di kaca televisyen berbicara mengenai AIDS, berbanding ketika doktor atau pakar bercakap mengenai isu itu.

Apabila penyanyi Faizal Tahir bercakap mengenai AIDS, stigma dan peranan masyarakat mendekati isu ini sempena Hari Memperingati AIDS Sedunia Ahad lepas, sebuah keluarga kecil di Gombak yang sibuk berjual, terdiam sejenak untuk mencuri pandang slot komersial yang dipaparkan.

"Sudah bertahun sukarelawan seperti kami, doktor dan pakar-pakar menekankan isu HIV/AIDS ini dan orang ramai sudah terbiasa melihat dan mendengar suara kami, maka muka segar selebriti popular, diharapkan membawa kesan yang berbeza," kata anggota Eksekutif Jawatankuasa Majlis AIDS Malaysia (MAC) Dr Soraya Azmi.

Dua belas artis dan personaliti televisyen serta radio dipilih menyertai "Program Selebriti Sokongan Riben Merah 2009/2010" yang dilancarkan baru-baru ini dan peranan mereka ialah bekerjasama dengan MAC dan Yayasan Aids Malaysia (MAF) meningkatkan kesedaran dan pengetahuan rakyat Malaysia mengenai HIV/AIDS.

Datuk Siti Nurhaliza, Fish Leong, Faizal Tahir, Dayang Nurfaizah, Ayu, Umi Aida, Fahrin Ahmad, Owen Yap, Zainal Alam Kadir, Aanannya, Uthaya dan Shah Shamsiri di harap dapat membantu meningkatkan mutu kehidupan rakyat Malaysia yang hidup dengan HIV dan merangsang sokongan serta penglibatan orang ramai dalam isu ini.

"Adakalanya orang terlepas pandang yang kami mempunyai suara berpengaruh untuk menarik orang ramai menyertai usaha sebegini," kata Faizal mengenai perannya dalam kempen ini.

Inisiatif menggabungkan selebriti ini selari dengan Pelan Strategik MAC bagi tahun 2008-2010 untuk mewujudkan sokongan persekitaran terutama berkaitan isu stigma dan diskriminasi terhadap pesakit AIDS dan mereka yang hidup dengan HIV. Kemunculan selebriti ini pada majlis-majlis tertentu, melawat rumah perlindungan dan menjadi jurucakap bagi pihak MAC/MAF di harap dapat membantu menyebarkan kempen membantu orang yang hidup dengan HIV/AIDS, secara lebih berkesan.

Misi pertama selebriti ini ialah untuk mengurangkan stigma dan diskriminasi membimbangkan terhadap mereka yang dijangkiti atau terlibat dengan HIV/AIDS dan keluarga mereka.

Menurut Dr Soraya, tiga daripada empat rakyat Malaysia mengatakan mereka berasa malu sekiranya mereka dijangkiti virus HIV.

Manakala satu daripada dua rakyat



● Para selebriti tanah air, antaranya Zainal Alam Kadir (kiri) Faizal Tahir (dua, kiri), Dayang Nurfaizah (tiga, kiri), Umi Aida (tiga, kanan) dan Fahrin Ahmad (empat, kanan) menunjukkan reben merah pada baju mereka selepas majlis pelancaran "Program Selebriti Reben Merah 2009/2010" anjuran Majlis Aids Malaysia (MAC) di sini, baru-baru ini.

Selebriti bercakap mengenai AIDS

Malaysia pula berasa malu sekiranya seorang daripada kalangan anggota keluarga mereka adalah HIV positif. Kenyataan ini ialah hasil kajian tajuan Synovate (M) Sdn Bhd pada tahun 2008.

"Kajian ini jelas menunjukkan stigma dan diskriminasi wujud dalam kalangan rakyat Malaysia yang hidup dengan HIV. Prejudis dan diskriminasi yang dilemparkan kepada mereka dan kumpulan serta komuniti yang terlibat dengan mereka akan mengakibatkan mereka disisih dan didiskriminasikan masyarakat," kata Dr Soraya.

Punca stigma dan diskriminasi

DIANGGARKAN sebanyak 85,000 orang di Malaysia dikenal pasti HIV positif dan setiap hari dianggarkan di antara 10 hingga 15 orang dijangkiti virus ini di Malaysia.

Seharusnya stigma dan diskriminasi terhadap kumpulan yang semakin ramai ini, dihapuskan. Apa yang dimaksudkan dengan stigma dan diskriminasi, kata Dr Soraya, ialah kebanyakan anggota masyarakat memang sudah tahu mengenai HIV sebagai sejenis virus dan kaedah biasa ia merebak, iaitu melalui perkongsian jarum mengambil dadah, hubungan seks tidak selamat dan daripada ibu HIV kepada bayinya. Tetapi pengetahuan asas itu sebenarnya tidak cukup.

"Untuk menghentikan stigma dan diskriminasi ini kita harus benar-benar

tahu bahawa HIV tidak merebak melalui hubungan sosial, bersalaman, makan bersama, bekerja bersama, kanak-kanak bermain bersama atau berkongsi makanan, malah makan makanan yang disediakan seorang yang HIV positif.

"Tetapi salah faham dan imaginasi kita yang keterlaluan membuatkan kita percaya yang HIV boleh merebak semudah jangkitan selesema, pada hal ini tidak benar sama sekali," katanya.

Oleh itu MAC berharap dengan menjadikan selebriti rakan kempen, personaliti popular ini boleh membantu memberitahu melalui kata-kata dan contoh terbaik yang mereka tunjukkan bahawa bergaul dengan seorang yang HIV positif tidak membawa kepada penjangkitan virus itu.

"Kami mahu selebriti pelbagai bangsa ini membantu menyebarkan mesej ini kepada semua warga Malaysia, tidak kira muda atau tua, yang tinggal di bandar atau desa," katanya.

Stigma berkaitan HIV/AIDS ini, katanya, hasil daripada perasaan takut, penafian, keajihan dan kurang maklumat serta pendidikan. Dr Soraya turut menyentuh beberapa perkara lagi mengenai stigma dan diskriminasi terhadap pesakit AIDS dan orang yang hidup dengan HIV.

Menurut Dr Soraya kesedaran dan pengetahuan rakyat Malaysia mengenai HIV/AIDS masih terlalu rendah dan Fahrin mengakui, artis sepertinya tidak terkecuali, sebelum

menyertai program ini.

Kini beliau didedahkan dengan seminar mengenainya dan jika selama ini mungkin beliau tidak menyedari orang yang hampir dengannya, jiran atau rakan, memerlukan bantuan dalam masalah HIV/AIDS ini, Fahrin berazam untuk mendekati mereka dan memberikan sokongan morat.

"Deripada perbincangan dan apa yang didedahkan kepada saya, saya sedar sekarang stigma dan diskriminasi teruk terhadap orang yang hidup dengan HIV/AIDS ini,



Kajian ini jelas menunjukkan stigma dan diskriminasi wujud dalam kalangan rakyat Malaysia yang hidup dengan HIV. Prejudis dan diskriminasi yang dilemparkan kepada mereka dan kumpulan serta komuniti yang terlibat dengan mereka akan mengakibatkan mereka disisih dan didiskriminasikan masyarakat

hanya kerana cetek pengetahuan masyarakat sedangkan mereka layak hidup macam orang lain.

"Mereka berhak kepada kehidupan yang positif di samping anggota masyarakat yang lain digalakkan mengamalkan gaya hidup sihat. Saya suka bercakap, dan saya akan gunakan masa yang saya ada untuk membantu MAC menjelaskan sebarang kekeliruan masyarakat mengenai penyakit ini," kata pelakon dan pengacara TV popular ini.

Istilah majlis AIDS

ANGGOTA Lembaga Pemegang Amanah MAF, Datuk Maznah Abdul Jali berkata beliau yakin dengan bakat, populariti serta keprihatinan ikhlas selebriti ini terhadap HIV/AIDS dapat membantu MAC/MAF untuk menyampaikan mesej bermakna dan memberi kesan kepada rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat.

Mereka ini popular dan ramai peminat, kata Dr Soraya. "Orang seperti kami di MAC, doktor dan pegawai Kementerian Kesihatan boleh bercakap sampai pagi, audiens sudah jemu, sebaliknya mereka mungkin lebih suka mendengar perkara yang sama dipertuturkan oleh personaliti pujaan mereka dan diharapkan minat terhadap isu ini akan meningkat dengan penglibatan selebriti ini."

Program sokongan selebriti ini mendapat kerjasama YTL Group of Hotels, Media Prima Berhad, Astro, dan Mami's Tart yang akan menyumbang 10 peratus daripada jualan tart kepada MAF.

MAC ada mengeluarkan buku kecil "Kehidupan Yang Positif" mengandungi panduan ringkas bagi mereka yang HIV positif, orang yang hidup dengan HIV/AIDS, penjaga, kaunselor, keluarga dan rakan-rakan mereka.

Buku itu mencadangkan cara bagaimana mereka yang HIV positif boleh menjalani kehidupan yang memuaskan, secara normal, dengan menerima dan membuat beberapa perubahan dan penyesuaian dalam cara hidup mereka.

Ia lengkap dengan soalan-asas dan jawapan mengenai HIV/AIDS, ubat, nasihat pemakanan, seraman dan nombor telefon serta alamat pihak yang boleh dihubungi.

"Jika anda keberatan, takut atau tidak tahu kepada siapa anda harus bertanya berkaitan HIV, anggaphlah buku ini sebagai panduan ringkas yang menerangkan semua perkara yang perlu anda ketahui berkaitan HIV/AIDS," demikian kata-kata yang tercatat pada pengenalan buku berkenaan.

Fahrin serta rakan-rakan selebriti dalam program ini, turut menjadikan buku ini sebagai alat membantu mereka dalam melaksanakan misi penerangan.